

INSTRUMEN KESEDIAAN PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI

KHAIRUL AZHAR MAT DAUD *
NIK ZULKARNAEN KHIDZIR **
HASYAMUDDIN OTHMAN ***

Abstrak

Instrumen kesediaan pembelajaran terarah sendiri (KPTK) adalah merupakan instrumen yang dibangunkan bagi mengukur tahap kesediaan pelajar untuk belajar secara terarah sendiri. Instrumen KPTK dibangunkan hasil daripada adaptasi intrumen "self-directed learning readiness scale" (SDLRS) yang dibangunkan oleh Guglielmino (1977). Instrumen SDLRS ini diadaptasikan supaya penggunaan instrumen yang akan dibangunkan dapat disesuaikan dengan iklim setempat dari pelbagai aspek yang saling mempengaruhi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Antara aspek yang saling mempengaruhi sistem pengajaran dan pembelajaran di Malaysia adalah seperti aspek pengurusan, pelaksanaan, sistem pembelajaran, kemudahan infrastruktur, motivasi pelajar, pencapaian dan tahap sosioekonomi pelajar. Pembangunan instrumen KPTK ini melalui lima fasa utama iaitu ; penterjemahan, pengesahan dari pakar bahasa, kajian rintis, analisis kebolehpercayaan dan akhirnya pembangunan format instrumen. Melalui analisis yang dibuat, adalah didapati nilai kebolehpercayaan instrumen ini sangat tinggi iaitu alpha cronbach, $\alpha = 0.9204$. Kesediaan pembelajaran terarah sendiri terbentuk daripada tiga konstruk utama iaitu Pengurusan sendiri (alpha cronbach, $\alpha = 0.8780$), Keazaman untuk belajar (alpha cronbach, $\alpha = 0.8634$), dan kawalan sendiri (alpha cronbach, $\alpha = 0.8496$).

Kata Kunci: Pengurusan kemudahan, Konservasi Bangunan, Pendekatan berpusatkan manusia

* Khairul Azhar Mat Daud: Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Univesiti Malaysia Kelantan

** Nik Zulkarnaen Khidzir: Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Univesiti Malaysia Kelantan

*** Hasyamuddin Othman: Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, Univesiti Tun Hussein Onn



Abstract

The instrument of Self-Directed Learning Readiness Scale (SDLRS) is an instrument developed to measure students' readiness for self-directed learning. The SDLRS instrument was developed by adapting the original instrument which is established from Guglielminno (1977). The original SDLRS instrument from Guglielminno (1977) has been adapted in order to mismatch its application with the local culture from a variety of aspects influencing the Malaysian education system. The particular aspects that influence the Malaysian educational system is management, implementation, learning systems, infrastructure, student motivation, achievement and students socioeconomics. The development of SDLRS is through a proper process with five main phases namely; language expertise, pilot test, the analysis of reliability and finally, the development of an instrument format. Through the analysis, it is found that the value of these instruments has a very high reliability of Cronbach alpha, $\alpha = 0.9204$. Self-directed learning readiness is formed by three constructs such as Self-Management (Cronbach alpha, $\alpha = 0.8780$), determination to learn (Cronbach alpha, $\alpha = 0.8634$), and self-control (Cronbach alpha, $\alpha = 0.8496$).

Keywords: Facility management, Building conservation, People centered approach

-
- * Khairul Azhar Mat Daud: Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Univesiti Malaysia Kelantan
 - ** Nik Zulkarnaen Khidzir: Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Univesiti Malaysia Kelantan
 - ** Hasyamuddin Othman: Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, Univesiti Tun Hussein Onn



1.0 Pengenalan

Instrumen Kesiapan Pembelajaran Terarah Kendiri (KPTK) digunakan untuk mengukur kesiapan pembelajaran terarah sendiri pelajar. Instrumen ini dibina dengan mengadaptasi Instrumen asal Self-Directed Learning Readiness Scale (SDLRS) yang dibangunkan oleh Guglielmino (1977) bagi mengukur kesiapan pembelajaran terarah sendiri pelajar. Instrumen SDLRS telah digunakan pada tahun 1977 di negara Eropah, oleh itu instrumen ini diadaptasi agar selari dengan perubahan masa, pentadbiran, sistem pendidikan, teknologi dan sebagainya.

Terdapat dua peringkat yang terlibat dalam proses pembinaan versi awal instrumen KPTK melalui proses adaptasi instrumen SDLRS. Peringkat Pertama: memilih dan menterjemah item-item yang digunakan dalam instrumen SDLRS. Item-item dalam versi awal instrumen SDLRS tidak dibina sendiri oleh pengkaji, sebaliknya diambil dan diterjemah daripada instrumen Stewart (2007). Skala-skala ini dipilih kerana setiap skala tersebut adalah berasal dari instrumen SDLRS (Guglielmino, 1977) yang sememangnya terbukti mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Dalam proses ini, setiap skala dan item yang dibina diterjemah terlebih dahulu sebelum menggunakan kepakaran penterjemah pakar bahasa Inggeris untuk membuat semakan silang terhadap setiap skala dan item yang telah diterjemahkan. Langkah ini diambil bagi memastikan maksud setiap skala dan item yang telah diterjemahkan adalah selari dengan skala dan item asal yang digunakan. Lampiran A menunjukkan skala, nombor item dan pernyataan item yang terdapat dalam versi awal instrumen SDLRS. Jumlah keseluruhan item yang terdapat dalam versi awal instrumen berkenaan ialah sebanyak 40 item dan ia terbahagi kepada beberapa item tertentu mengikut tiga skala yang telah ditetapkan (Lampiran A).

Peringkat Kedua: menetapkan format skor dalam versi awal instrumen SDLRS. Dalam instrumen ini, format skor 5 skala Likert bagi mengukur tahap SDLRS digunakan. Manakala bagi item yang tidak dijawab, kaedah missing item dalam perisian SPSS versi 11.5 (iaitu memasukkan nilai min skor item ke dalam missing item system digunakan untuk menentukan nilai yang sepadan bagi item tersebut).

Walau bagaimanapun, Guglielmino (1977) telah memutuskan bahawa apabila SDLRS ditadbir, skor-skor semua faktor harus dikira sebagai satu skor keseluruhan berbanding mencari sub-skor bagi setiap faktor. Beliau juga merumuskan bahawa sub-sub skor daripada setiap faktor memperolehi kebolehpercayaan yang rendah. Tambahan lagi, sub skor - sub skor ini cenderung untuk berubah mengikut sampel dan dengan itu, ia tidak boleh mewakili sampel-sampel yang lain. Instrumen ini telah digunakan oleh beratus-ratus organisasi dan penyelidik dan ia telah dialihbahasa kepada beberapa bahasa seperti bahasa Perancis, Cina, Korea dan Jepun. Mohd Azhar, Adanan, Ishak dan Mohd Koharudi (2004) menyatakan bahawa antara kajian yang menggunakan SDLRS adalah seperti Torrance dan Mourad (1978), Brockett (1985) dan Wood (1994).

2.0 Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri

Menurut Gueglielmino (1977), kesediaan pembelajaran terarah sendiri adalah merupakan tahap kesedaran individu melihat kemampuan serta potensi diri mereka dalam mengarah diri mereka untuk belajar. Kesediaan pembelajaran terarah sendiri adalah bergantung kepada pengurusan sendiri pelajar, keinginan untuk belajar serta kawalan sendiri pelajar. Selain daripada itu, pelajar juga perlulah berkemampuan untuk melihat potensi diri mereka serta menilai aspek-aspek dalam pembelajaran sendiri. Bagi tujuan kajian ini, data mengenai kesediaan pembelajaran terarah sendiri berdasarkan kepada konstruk kesediaan pembelajaran terarah sendiri iaitu pengurusan sendiri, keazaman untuk belajar secara sendiri dan kawalan sendiri pelajar untuk belajar akan dikumpul bagi melihat kesannya terhadap kaedah pembelajaran terarah sendiri yang telah direkabentuk dalam kajian ini.

3.0 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Menurut Wiersma (2000), dua ciri penting yang dapat menentukan kesesuaian dan kegunaan sesuatu instrumen kajian ialah kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Kesahan instrumen kajian merujuk kepada sejauh mana instrumen itu dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Gay & Airasian, 2003; Wiersma, 2000). Kesahan isi kandungan dilakukan bagi memastikan item-item yang dimasukkan sebagai instrumen kajian dapat mengukur isi kandungan yang hendak dikaji. Kebolehpercayaan instrumen kajian pula ditakrifkan sebagai ketekalan atau konsistensi sesuatu instrumen untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur (Gay & Airasian, 2003; Wiersma, 2000; Mohd Majid, 1990). Ketekalan dalam sesuatu instrumen kajian pada umumnya boleh diukur dengan menggunakan pekali atau koefisien korelasi seperti alpha Cronbach (Ebel & Frisbie, 1991).

Item-item yang mempunyai skor dalam bentuk dikotomi (1 dan 0), formula Kruder-Richardson 20 (KR-20) didapati lebih sesuai digunakan (Kohlenberg, 1995). Menurut Gay dan Airasian (2003), nilai kebolehpercayaan adalah diantara 0.00 hingga 1.0. Nilai koefisien yang tinggi menunjukkan kebolehpercayaan instrumen yang tinggi. Nilai pekali kebolehpercayaan alfa Cronbach digunakan sebagai ukuran terhadap konsistensi dalaman instrumen kajian (Mohd Majid, 1990). Instrumen kajian dianggap mempunyai konsistensi dalaman yang boleh diterima sekiranya nilai pekali alfa Cronbach bagi setiap skala dalaman instrumen melebihi nilai 0.70 (nilai $\alpha > 0.70$) (George dan Mallery, 2003) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.



Jadual 1: Taksiran ke atas nilai pekali alfa Cronbach

Nilai alfa Cronbach, (α)	Tafsiran
A > 0.90	Sangat Baik
α > 0.80	Baik Boleh
α > 0.70	Diterima
α > 0.60	Dipersoalkan
α > 0.50	Lemah
α < 0.50	Tidak Diterima

Sumber: George dan Mallery (2003)

4.0 Kajian Rintis

Fraenkel dan Wallen (1996) mendefinisikan kajian rintis sebagai cubaan kajian yang dibuat secara kecilan, bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan alat dan tatacara kajian. Data kajian rintis yang diperolehi digunakan untuk menyemak struktur dalaman setiap skala, memilih item akhir dan menguji konsistensi dalaman instrumen.

Kajian rintis dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama adalah untuk menganalisis item, menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Kajian rintis pertama dijalankan pada bulan Ogos 2008 di sebuah politeknik di semenanjung Malaysia yang melibatkan seramai enam puluh (60) orang pelajar tahun akhir bagi jurusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal. Melalui kajian rintis ini, pengkaji memperolehi maklum balas tentang kesesuaian instrumen yang telah diadaptasikan dan dialihbahasa ke dalam bahasa melayu dan anggaran masa untuk melengkapkan instrumen dan kefahaman responden dari segi ketepatan bahasa dan istilah. Data kajian rintis telah diproses dengan menggunakan program SPSS Versi 11.5 for windows untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dan telah ditadbirkan seterusnya dalam kajian sebenar.

Sebelum menjawab item-item dalam versi awal instrumen, pelajar diberi penerangan ringkas tentang bagaimana untuk menjawab instrumen tersebut. Pelajar diminta merekodkan pandangan mereka terhadap pernyataan yang diberikan oleh setiap item berdasarkan kepada skala yang berkaitan. Dalam hal ini, pelajar diyakinkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah sulit dan digunakan untuk tujuan kajian semata-mata. Dengan jaminan ini, pelajar diharap dapat memberi jawapan secara jujur dan tepat. Selain itu, tempoh masa pelajar menjawab versi awal instrumen juga dicatatkan.



Selepas sesi menjawab selesai, sesi perbincangan diadakan bagi mengenal pasti kemungkinan terdapatnya perkataan dan item-item yang sukar difahami. Hasil perbincangan mendapati terdapat beberapa aspek dalam versi awal instrumen yang perlu diperkasakan seperti aspek ejaan, kesilapan tatabahasa dan ketidakjelasan soalan yang ditanya. Dari segi item, secara keseluruhannya adalah didapati bahawa pelajar dapat memahami setiap item yang digunakan, manakala masa yang direkodkan untuk pelajar menjawab kesemua item dalam instrumen adalah lebih kurang 13 minit sahaja.

5.0 Dapatan Kajian Rintis Instrumen

Kaedah pekali Cronbach Alfa digunakan bagi mengukur ketekalan dalaman item. Tujuannya adalah untuk mengukur kehomogenan item-item iaitu mengukur sambutan pelajar terhadap satu-satu item dengan keseluruhan item (Sulaiman Ngah Razali, 1996). Nilai pekali kebolehpercayaan bagi soalan soal selidik untuk mengukur pemboleh ubah kesediaan pembelajaran terarah sendiri pelajar (KPTK) secara keseluruhannya ialah 0.9204 (Lampiran B). Manakala nilai pekali kebolehpercayaan alpha-cronbach bagi mengukur pemboleh ubah kesediaan pembelajaran terarah sendiri pelajar mengikut konstruk KPTK adalah sebagaimana berikut :

- i. Konstruk pengurusan sendiri pelajar, Cronbach Alpha = 0.8780. (Lampiran C)
- ii. Konstruk keazaman belajar secara sendiri, Cronbach Alpha = 0.8634 (Lampiran D).
- ii. Konstruk kawalan sendiri untuk belajar, Cronbach Alpha = 0.8496 (Lampiran E).

Kebolehpercayaan dan kestabilan dalaman instrumen telah diuji dengan menggunakan kaedah Cronbach Alpha. Secara keseluruhannya, kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan boleh digunapakai. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen KPTK ini telah diuji secara keseluruhan dan didapati yang mempunyai nilai koefisien alfa melebihi dari 0.7. Justeru itu, instrumen KPTK ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi melebihi nilai alfa 0.68 seperti yang disarankan oleh Mohamad Najib (2001).

Apabila pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha rendah, maka item-item dalam instrumen perlulah diperbaiki bagi meningkatkan nilai pekali kebolehpercayaan tersebut. Item-item yang menyebabkan nilai pekali kebolehpercayaan rendah perlulah diperbaiki atau mungkin perlu disingkirkan dari instrumen kajian. Untuk mengetahui item manakah yang apabila disingkirkan boleh menyebabkan nilai pekali meningkat, maklumat dilajur Alpha If Item Deleted dirujuk (Lampiran B, C, D dan E). Daripada keputusan analisis kebolehpercayaan yang dijalankan dengan menggunakan perisian Statistical Package fo Social Science (SPSS) (Lampiran B hingga E), Sebanyak 11 item digugurkan, iaitu 5 item bagi konstruk pengurusan sendiri pelajar, 3 item bagi konstruk keazaman belajar secara sendiri dan 3 item bagi konstruk kawalan sendiri untuk belajar. Item-item tersebut ialah item pk4, pk6, pk10, pk11, pk12, kub6, kub10, kub12, kk2, kk3 dan kk7. Item-item digugurkan bagi meningkatkan lagi nilai kebolehpercayaan skala dan instrumen yang digunakan.



6.0 Penskoran Dan Tafsiran Dapat

Instrumen KPTK akan menggunakan format skor berdasarkan kepada versi awal instrumen SDLRS. Dalam instrumen KPTK ini, format skor 5 skala Likert bagi mengukur tahap KPTK digunakan. Manakala bagi item yang tidak dijawab, kaedah missing item dalam perisian SPSS versi 11.5 (iaitu memasukkan nilai min skor item ke dalam missing item system digunakan untuk menentukan nilai yang sepadan bagi item tersebut. Semasa KPTK ditadbir, skor-skor semua faktor akan dikira sebagai satu skor keseluruhan. Guglielmo (1977) menyatakan bahawa sub-sub skor daripada setiap faktor memperoleh kebolehpercayaan yang rendah. Tambahan lagi, sub skor - sub skor ini cenderung untuk berubah mengikut sampel dan dengan itu, ia tidak boleh mewakili sampel-sampel yang lain.

7.0 Kajian Yang Menggunakan Instrumen KPTK Dan Hasilnya

Kajian kesan penggunaan sistem pembelajaran terarah sendiri secara atas talian (E-SOLMS) terhadap kesediaan pembelajaran terarah sendiri pelajar adalah merupakan kajian yang menggunakan instrumen KPTK. Kajian ini menggunakan kaedah rekabentuk eksperimen kuasi yang dijalankan di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan kepada keadaan sedia ada di politeknik iaitu pelajar-pelajar telah ditetapkan dalam kelas masing-masing sejak bermulanya sesi pengajian mereka. Adalah menjadi masalah atau gangguan kepada pihak pengurusan politeknik jika penyelidik cuba membentuk dua kelas yang baru berdasarkan konsep pilihan secara rawak dalam rekabentuk eksperimen sebenar. Jadi, kajian ini akan menggunakan kumpulan pelajar sedia ada dan menggunakan rekabentuk kuasi eksperimen dengan faktorial $2 \times 2 \times 3 \times 5$. Pemboleh ubah bebas adalah kaedah pembelajaran (pembelajaran terarah sendiri tanpa atas talian dan kaedah pembelajaran terarah sendiri secara atas talian). Pemboleh ubah bersandar adalah kesan penggunaan (ujian pra dan ujian pos) terhadap kesediaan pembelajaran terarah sendiri (tiga konstruk). Eksperimen kuasi dilaksanakan dengan menggunakan rekabentuk kumpulan kawalan tidak setara (Campbell & Stanley, 1963; Fraenkel & Wallen, 1996). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan rekabentuk ujian pra ujian pos seperti yang diuraikan dalam rajah 1

Kumpulan	Intervensi		
Rawatan	O1	X1	O2.....O3
Kawalan	O1	X2	O2.....O3

Rajah 1: Rekabentuk Kajian



Di mana ;

X1 = Pembelajaran Terarah Kendiri Secara Atas Talian (E-SOLMS).

X2 = Pembelajaran Terarah Kendiri Tanpa Atas Talian.

O1 = Ujian Pra, O2 = Ujian Pos 1, O3 = Ujian Pos 2

Bagi pengujian hipotesis dalam kajian ini, analisis secara inferensi digunakan. Statistik inferensi yang digunakan untuk menguji hipotesis kajian adalah Analysis of Covariance (ANCOVA) pada aras kesignifikan $\alpha=0.05$. Dalam kajian ini, hipotesis yang dirangka adalah sebagaimana berikut :

Hipotesis: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kesediaan pelajar untuk belajar secara terarah kendiri dalam ujian pos I antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan apabila dikawal kesan dalam ujian pra

Bagi menguji hipotesis kajian ini, peningkatan tahap kesediaan pembelajaran terarah kendiri dikalangan pelajar yang melalui kaedah pembelajaran terarah kendiri secara atas talian (E-SOLMS) dianalisis secara inferensi. Kesan utama dilaporkan bagi pemboleh ubah bebas versi kaedah pembelajaran terarah kendiri. Ujian statistik yang digunakan adalah pada tahap alpha (α) kurang daripada .05.

Kesan utama versi kaedah pembelajaran terarah kendiri ke atas min skor dalam ujian pos dianalisis melalui ANCOVA satu hala (One Way ANCOVA). Pemboleh ubah adalah versi kaedah pembelajaran terarah kendiri, terdiri daripada dua versi iaitu kaedah pembelajaran terarah kendiri dengan menggunakan E-SOLMS (sistem pengurusan pembelajaran berorientasi kan pelajar) dan kaedah pembelajaran terarah kendiri tanpa E-SOLMS. Pemboleh ubah bersandar adalah min skor ujian pos pembelajaran terarah kendiri. Kovariat adalah min skor ujian pra. Keputusan analisis ini ditunjukkan dalam jadual 1 bagi pemboleh ubah bersandar iaitu kesediaan pembelajaran terarah kendiri. Manakala, analisis bagi konstruk pemboleh ubah kesediaan kendiri iaitu pengurusan kendiri, keazaman untuk belajar dan kawalan kendiri adalah ditunjukkan dalam jadual 3, 5 dan 7.



Jadual 1: ANCOVA satu hala bagi Min Skor Ujian Pos (Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri) dengan Kaedah Pembelajaran dan Min Skor Ujian Pra (Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri) sebagai Kovariat

Pemboleh ubah bersandar : Min Skor Ujian Pos (Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri)

Sumber	Jumlah Kuasa Dua Jenis III	D.K	Min Kuasa Dua	F	Sig	Eta Kuasa Dua	Kuasa Cerapan ^a
Model Diperbetulkan	80.747 ^b	2	40.373	39.761	.000	.252	1.000
Pintasan	1338.432	1	1338.432	1318.113	.000	.848	1.000
Min Skor Ujian Pra	.478	1	.478	.471	.493	.002	1.105
Kaedah Pembelajaran	79.324	1	79.324	78.120	.000	.249	1.000
Ralat	239.638	236	1.015				
Jumlah	3947.000	239					
Jumlah Diperbetulkan	320.385	238					

a. Dijana menggunakan alpha = .05

b. R kuasa dua = .252 (R kuasa dua diubahsuai = .246)

Jadual 1 menunjukkan kesan utama kaedah pembelajaran adalah signifikan dengan $F(1,236) = 78.12$, $MKR = 1.015$, $p=0.00$. Manakala, darjah kekuatan hubungan (effect size) di antara kaedah pembelajaran dan min skor ujian pos ini ditunjukkan oleh nilai eta kuasa dua separa. Nilai eta kuasa dua separa yang ditunjukkan dalam jadual 1 adalah .25.

Menurut Green et al (1997),

"an effect size index, the partial ...ranges in value 0 to 1 ...Traditionally, an of .01, .06 and .14 represent small, medium and large effect sizes, respectively"



Berdasarkan fakta ini, hubungan di antara kaedah pembelajaran dan min skor ujian pos adalah tinggi. Ini bermaksud kaedah pembelajaran menjelaskan 25% daripada varians min skor ujian pos, setelah min skor ujian pra dikawal secara statistik. Ini bermakna setelah dikawal kesan min skor ujian pra bagi versi pembelajaran terarah sendiri, didapati min skor ujian pos kesediaan pembelajaran terarah sendiri bagi pelajar yang menggunakan E-SOLMS (min = 4.48), adalah lebih tinggi daripada min skor ujian pos kesediaan pembelajaran terarah sendiri tanpa menggunakan E-SOLMS (min = 3.33), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2

Jadual 2 : Min Skor Ujian Pos Dan Ralat Piawai Bagi Setiap Kaedah Pembelajaran

Pemboleh ubah bersandar : Min Skor Ujian Pos (Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri)

Kaedah Pembelajaran	Min	Ralat Piawai	Sela Keyakinan	
			Had Bawah	Had Atas
Pembelajaran Terarah Kendiri Tanpa E-SOLMS	3.330 ^a	.091	3.150	3.510
Pembelajaran Terarah Kendiri Dengan E-SOLMS	4.485 ^a	.093	4.301	4.668

a. Dinilai berdasarkan kovariat dalam model: Min Skor Ujian Pra (Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri) = 1.9372

Analisis terhadap kesediaan pembelajaran terarah sendiri pelajar akan dianalisa secara lebih mendalam dengan melihat kesan yang berlaku bagi setiap konstruk. Terdapat tiga konstruk kesediaan pembelajaran terarah sendiri pelajar iaitu (i) Pengurusan Kendiri, (ii) Keazaman Untuk Belajar dan (iii) Kawalan Kendiri

(i) Pengurusan Kendiri



Jadual 3: ANCOVA satu hala bagi Min Skor Ujian Pos (Pengurusan Kendiri) dengan Kaedah Pembelajaran dan Min Skor Ujian Pra (Pengurusan Kendiri) sebagai Kovariat

Pemboleh ubah bersandar : Min Skor Ujian Pos (Pengurusan Kendiri)

Sumber	Jumlah Kuasa Dua Jenis III	D.K	Min Kuasa Dua	F	Sig	Eta Kuasa Dua	Kuasa Cerapan ^a
Model Diperbetulkan	29.247 ^b	2	14.624	27.411	.000	.189	1.000
Pintasan	503.580	1	503.580	943.922	.000	.800	1.000
Min Skor Ujian Pra	.077	1	.077	.144	.705	.001	.066
Kaedah Pembelajaran	28.948	1	28.948	54.261	.000	.187	1.000
Ralat	125.905	236	.533				
Jumlah	3365.367	239					
Jumlah Diperbetulkan	155.152	238					

- Dijana menggunakan alpha = .05
- R kuasa dua = .189 (R kuasa dua diubahsuai = .182)

Analisis ini menunjukkan kesan utama kaedah pembelajaran terarah sendiri secara atas talian adalah signifikan dengan $F(1,236) = 54.26$, MKR = .533, $p=0.00$. Darjah kekuatan hubungan (effect size) di antara kaedah pembelajaran dan min skor ujian pos ini ditunjukkan oleh nilai eta kuasa dua separa. Nilai eta kuasa dua separa yang ditunjukkan dalam jadual 3 adalah .19. Ini menunjukkan hubungan di antara kaedah pembelajaran dan min skor ujian pos I adalah tinggi (Green, 1997). Ini bermaksud kaedah pembelajaran menjelaskan 19% daripada varians min skor ujian pos, setelah min skor ujian pra dikawal secara statistik. Ini bermakna min skor ujian pos lebih tinggi setelah dikawal perbezaan dalam min skor ujian pra bagi versi pembelajaran terarah sendiri dengan menggunakan E-SOLMS (min = 4.02), adalah lebih tinggi daripada min skor kesediaan pembelajaran terarah sendiri tanpa menggunakan E-SOLMS (min = 3.32), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 3 ANCOVA Min Skor Ujian Pra (Pengurusan Kendiri) dengan Kaedah Pembelajaran dan Min Skor Ujian Pra (Pengurusan Kendiri) sebagai Kovariat

Kaedah Pembelajaran	Min	Ralat Piawai	Sela Keyakinan	
			Had Bawah	Had Atas
Pembelajaran Teararah Kendiri Tanpa E-SOLMS	3.323 ^a	0.066	3.192	3.453
Pembelajaran Teararah Kendiri Dengan E-SOLMS	4.022 ^a	0.068	3.889	4.155

a. Dinilai berdasarkan kovariat dalam model: Min Skor Ujian Pra (Pengurusan Kendiri) = 2.3651

(ii) Keazaman Untuk Belajar

Jadual 5 : ANCOVA satu hala bagi Min Skor Ujian Pos (Keazaman Untuk Belajar) dengan Kaedah Pembelajaran dan Min Skor Ujian Pra (Keazaman Untuk Belajar) sebagai Kovariat

(ii) Keazaman Untuk Belajar

Pemboleh ubah bersandar : Min Skor Ujian Pos (Keazaman Untuk Belajar)

Sumber	Jumlah Kuasa Dua Jenis III	D.K	Min Kuasa Dua	F	Sig	Eta Kuasa Dua	Kuasa Cerapan
Model Diperbetulkan	39.676 ^b	2	19.838	28.930	.000	.197	1.000
Pintasan	532.589	1	532.589	776.670	.000	.767	1.000
Min Skor Ujian Pra	.040	1	.040	.058	.809	.001	.057
Kaedah Pembelajaran	39.672	1	39.672	57.853	.000	.197	1.000
Ralat	161.833	236	.686				
Jumlah	3643.556	239					
Jumlah Diperbetulkan	201.510	238					

Dijana menggunakan alpha = .05



R kuasa dua = .197 (R kuasa dua diubahsuai = .190)

Analisis ini menunjukkan kesan utama kaedah pembelajaran adalah signifikan dengan $F(1,236) = 57.85$, $MKR = .686$, $p=0.00$. Darjah kekuatan hubungan (effect size) di antara kaedah pembelajaran dan min skor ujian pos ini ditunjukkan oleh nilai eta kuasa dua separa. Nilai eta kuasa dua separa yang ditunjukkan dalam jadual 5 adalah .19. Berdasarkan fakta ini, hubungan di antara kaedah pembelajaran dan min skor ujian pos adalah tinggi. Ini bermaksud kaedah pembelajaran menjelaskan 19% daripada varians min skor ujian pos, setelah min skor ujian pra dikawal secara statistik. Ini bermakna setelah dikawal kesan min skor ujian pra bagi versi pembelajaran terarah sendiri, didapati min skor ujian pos bagi pelajar yang menggunakan E-SOLMS (min = 4.21), adalah lebih tinggi daripada min skor kesediaan pembelajaran terarah sendiri tanpa menggunakan E-SOLMS (min = 3.39), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6

Jadual 6 : Min Skor Ujian Pos Bagi Konstruk Keazaman Untuk Belajar Dan Ralat Piawai Bagi Setiap Kaedah Pembelajaran

Pemboleh ubah bersandar : Min Skor Ujian Pos (Keazaman Untuk Belajar)

Kaedah Pembelajaran	Min	Ralat Piawai	Sela Keyakinan	
			Had Bawah	Had Atas
Pembelajaran Terarah Kendiri Tanpa E-SOLMS	3.396 ^a	.075	3.248	3.543
Pembelajaran Terarah Kendiri Dengan E-SOLMS	4.211 ^a	.077	4.060	4.362

a. Dinilai berdasarkan kovariat dalam model: Min Skor Ujian Pra (Keazaman Untuk Belajar) = 2.4296

(iii) Kawalan Kendiri

Jadual 7: ANCOVA satu hala bagi Min Skor Ujian Pos (Kawalan Kendiri) dengan Kaedah Pembelajaran dan Min Skor Ujian Pra (Kawalan Kendiri) sebagai Kovariat

Pemboleh ubah bersandar : Min Skor Ujian Pos (Kawalan Kendiri)

Sumber	Jumlah Kuasa Dua Jenis III	D.K	Min Kuasa Dua	F	Sig	Eta Kuasa Dua	Kuasa Cerapan
Model Diperbetulkan	39.464 ^b	2	19.732	34.767	.000	.228	1.000
Pintasan	535.867	1	535.867	944.167	.000	.800	1.000
Min Skor Ujian Pra	.732	1	.732	1.290	.257	.005	.205
Kaedah Pembelajaran	38.006	1	38.006	66.964	.000	.221	1.000
Ralat	133.943	236	.568				
Jumlah	3407.196	239					
Jumlah Diperbetulkan	173.407	238					

- Dijana menggunakan alpha = .05
- R kuasa dua = .228 (R kuasa dua diubahsuai = .221)

Analisis ini menunjukkan kesan utama kaedah pembelajaran adalah signifikan dengan $F(1,236) = 66.96$, MKR = .568, $p=0.00$. Darjah kekuatan hubungan (effect size) di antara kaedah pembelajaran dan min skor ujian pos ini ditunjukkan oleh nilai eta kuasa dua separa. Nilai eta kuasa dua separa yang ditunjukkan dalam jadual 7 adalah .22. Berdasarkan fakta ini, hubungan di antara kaedah pembelajaran dan min skor ujian pos adalah tinggi. Ini bermaksud kaedah pembelajaran menjelaskan 22% daripada varians min skor ujian pos, setelah min skor ujian pra dikawal secara statistik.



Ini bermakna setelah dikawal kesan min skor ujian pra bagi versi pembelajaran terarah sendiri didapati min skor ujian pos bagi pelajar yang menggunakan E-SOLMS (min = 4.09), adalah lebih tinggi daripada min skor kesediaan pembelajaran terarah sendiri tanpa menggunakan E-SOLMS (min = 3.29), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8. Berdasarkan analisis yang tersebut di atas, hipotesis Ho (1) di tolak.

Jadual 8: Min Skor Ujian Pos Bagi Konstruk Kawalan Kendiri Dan Ralat Piawai Bagi Setiap Kaedah Pembelajaran

Pemboleh ubah bersandar : Min Skor Ujian Pos (Kawalan Kendiri)

Kaedah Pembelajaran	Min	Ralat Piawai	Sela Keyakinan	
			Had Bawah	Had Atas
Pembelajaran Terarah Kendiri Tanpa E-SOLMS	3.287 ^a	.068	3.153	3.422
Pembelajaran Terarah Kendiri Dengan E-SOLMS	4.086 ^a	.070	3.949	4.224

a. Dinilai berdasarkan kovariat dalam model: Min Skor Ujian Pra (Kawalan Kendiri) = 2.4522

7.1 Analisis Kesan Interaksi Ringkas

- i. Kesan interaksi yang signifikan antara waktu ujian dengan kaedah pembelajaran.

Jadual 9: Kesan Skor Min Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Bagi Ujian Pra, Ujian Pos I dan Ujian Pos II.

Kaedah Pembelajaran	Waktu Ujian		
	Ujian Pra	Ujian Pos I	Ujian Pos II
Pembelajaran Terarah sendiri Dengan E-SOLMS	2.3132	4.1038	4.1141
Pembelajaran Terarah Kendiri Tanpa E-SOLMS	2.4148	3.3303	3.3135



Jadual 9 menunjukkan kesan skor min subskala kesediaan pembelajaran terarah sendiri diantara waktu ujian dengan kaedah pembelajaran. Berdasarkan dapatan ini, disimpulkan bahawa kaedah pembelajaran mempunyai kesan utama yang signifikan terhadap kesediaan pembelajaran terarah sendiri pelajar dalam ujian pos I dan ujian pos II. Bagi mengkaji sumber kesan interaksi ujian pra, ujian pos I dan ujian pos II, maka ujian t-sampel bebas dijalankan secara berasingan pada tiga peringkat iaitu ujian pra, ujian pos I dan ujian pos II.

Jadual 10: Ujian T-Sampel Bebas Bagi Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri Diantara Ujian Pra, Pos I dan Pos II

Pemboleh ubah	N	Mean	S.P.	D.K.	Nilai-t	Tahap Sig.
Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri (Pra)	117	2.3132	.89841	116	27.851	.000
Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri (Pos I)	117	4.1038	.60997	116	72.774	.000
Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri (Pos II)	117	4.1141	.68667	116	64.807	.000

*p<0.05

a. Jenis Kumpulan = Kumpulan Rawatan

